

TAHAP KOMPETENSI GURU (pdpc) SKPMG2 DAN TAHAP KEMENJADIAN MURID

LEVEL OF TEACHER'S COMPETENCY ELEMENT (SKPMG2) AND STUDENT OUTCOME

Khuzaimah Zaa'im ¹
Mohamed Yusoff Mohd Nor ²
Shahlan Surat ³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (E-mail: kzaaim@yes.my)

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM), Malaysia, (Email: yusoff1963@ukm.edu.my)

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM), Malaysia, (E-mail: drshahlan@ukm.edu.my)

Accepted date: 24-02-2019

Published date: 31-03-2019

To cite this document: Zaa'im, K., Mohd Nor, M. Y., & Surat, S. (2019). Tahap Kompetensi Guru (pdpc) SKPMG2 dan Tahap Kemenjadian Murid. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(27), 51-62.

Abstrak: Kompetensi guru (pdpc) merupakan salah satu daripada atribut dalam kerangka konsep SKPMG2 (Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang ke 2). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan kompetensi guru (pdpc) SKPMG2 dengan kemenjadian murid. Sampel kajian terdiri daripada 310 orang guru di daerah Kuala Langat. Rekabentuk tinjauan dipilih dalam kajian ini. Instrumen soal selidik dengan lima skala Likert digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat min, sisihan piawai, peratus dan peratusan. Manakala Analisis Infrensi, Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara kompetensi guru (pdpc) SKPMG2 dengan kemenjadian murid. Data dianalisis menggunakan SPSS 22.0. Dapatan kajian mendapati min tahap kompetensi elemen (pdpc) SKPMG2 (4.1991) dan tahap kemenjadian murid (4.0089) berada pada tahap tinggi. Selain itu, dapatan menunjukkan wujudnya hubungan positif sederhana dan signifikan antara tahap Amalan Elemen Kompetensi Guru (pdpc) dan tahap Kemenjadian murid [$r(308)=0.584, p<0.05$]. Peningkatan kemenjadian murid secara tidak langsung dipengaruhi oleh peningkatan amalan kompetensi guru (pdpc) SKPMG2.

Kata Kunci: Kompetensi Guru (pdpc), SKPMG2, Kemenjadian Murid, Aspirasi Murid, Pengajaran dan Pemudahcaraan

Abstract: Teacher's competency (T&L) is one part of attribute in framework of SKPMG2 (Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang ke 2). Therefore, this study aims to identify teacher's competency (pdpc) SKPMG2 with student outcome. The sample of the study involved 310 teachers in Kuala Langat district. The survey design was selected in this study. Questionnaire instruments with five Likert scales are used for data collections. Descriptive analysis is used to find mean, standard deviation, percentage. While Infrecy Aalysis, Pearson

Correlation Test and Linear Regression Test are used to find relationship and contribution between teacher's competency (pdpc) SKPMG2 with student outcome. The data were analyzed using SPSS 22.0. The finding show that the level of mean teacher's competency element (pdpc) SKPMG2 (4.1991) and student's outcome level (4.0089) were in high level. In addition, the findings showed that there was a simple and significant positive relationship between the teacher's competency element (pdpc) and the student comes [$r(308)=0.584, p<0.05$] with value $R^2= 0.342$. The increase of pupils outcomes influenced by the improvemet of teacher competency (pdpc) SKPMG2.

Keywords: Competency (pdpc), SKPMG2, Student Outcome, Student Aspiration, Teaching and Learning

Pengenalan

Kemenjadian murid merupakan indikator kejayaan bagi sesebuah sekolah. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2011) hingga telah mengaspirasikan bahawa diakhir persekolahan murid telah menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir, menguasai dwi bahasa, kemahiran kepimpinan, identiti nasional dan etika dan kerohanian. Bagi menghasilkan kemenjadian murid yang holistic ini memerlukan kerjasama yang melibatkan semua unit di sekolah, samada pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, pengurusan kokurikulum dan pengurusan hal ehwal murid. Namun, berdasarkan kepada peperiksaan awam UPSR bagi tempoh 2015 – 2017, menunjukkan kualiti kemenjadian akademik murid sekolah rendah di Daerah Kuala Langat kurang memperoleh gred yang baik dalam matapelajaran yang diambil walaupun Gred Purata Negeri (GPN) yang diperoleh pada tahun 2016, sebanyak 2.85 (Times, 2016). Sumbangan kemenjadian murid dalam akademik masih lagi di tahap sederhana dan memerlukan anjakan dari semua pihak terutamanya komitmen dari guru-guru. Salah satu cara meningkatkan kemenjadian murid adalah melalui keadah pembelajaran dan pemudahcaraan guru di dalam kelas. Namun begitu, guru-guru matapelajaran masih lagi menggunakan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang kurang menarik menyebabkan kemenjadian murid terganggu dan bermasalah. Keadaan ini juga, dijelaskan oleh (Nurul Izzati Azizi, 2011) yang menyatakan bahawa guru tidak menggunakan kaedah aktiviti yang sesuai dengan pembelajaran pelajar yang akan mengakibatkan pelajar tidak memahami tujuan belajar. Kaedah pembelajar yang sering berlaku di dalam kelas hanya tertumpu kepada guru sebagai penyampai bukan sebagai pembimbing atau pendorong (Hussin., 2014) mendapati guru mendominasi proses pengajaran dan pembelajaran berbanding pelajar dimana gurur-guru tidak melibatkan pelajar-pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kemenjadian murid bukan sahaja diukur dalam akademik, namun murid-murid juga perlu aktif dalam bidang kokurikulum sama ada badan uniform, kelab atau sukan (Zainal Ariffin Zainuddin, 2016), dalam kajian beliau mendapati berlakunya perubahan tingkahlaku, sahsiah dan emosi pelajar kesan daripada aktiviti kokurikulum dan disamping itu membantu pelajar melengkapkan dan memperkukuhkan proses pembelajaran di dalam kelas. Bukan sahaja kepentingan kokurikulum diabaikan, kadang kala guru-guru menjalankan aktiviti kokurikulum tidak menarik minat murid menyebabkan murid-murid merasakan beban untuk menghadiri kelas kokurikulum dan ini menyebabkan murid-murid peningkatan ketidakhadiran kelas kokurikulum.

Kemenjadian murid dilengkapi kemenjadian sahsiah dikalangan murid-murid. (Tamuri, 2004) melaporkan kelalaian guru sebagai pembimbing dalam menjalankan tanggungjawab

mereka merupakan punca utama masalah akhlak di sekolah. Keruncingan akhlak merupakan salah satu sebab mengapa kemenjadian murid dalam pembentukan sahsiah tidak tercapai. Namun, peranan guru tidak berlaku di sekolah, menyebabkan pembentukan kemenjadian murid secara holistic tidak berlaku seperti yang di hasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Oleh itu, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) telah membina SKPMG2 yang telah digubal dan ditambahbaik dari SKPM sebagai satu garis panduan pembelajaran dan pemudahcaraan untuk guru-guru matapelajaran dan kemenjadian murid. Menurut (Ambotang, 2010) antara faktor-faktor asas kepada sekolah yang berprestasi sifar iaitu tahap kesediaan pengurus sekolah, tahap kesediaan guru, tahap kesediaan ibubapa dan tahap kesediaan murid.

Oleh itu, keberkesanan SKPMG2 dalam penghasilan kemenjadian murid dan pembentukan sekolah berkesan masih lagi kabur dan menjadi tanya atau iainya sekadar melengkapkan pendokumentasian sekolah. (Ambotang, 2010) turut menyatakan semua elemen dalam SKPM mempunyai hubungan dan mempengaruhi kemenjadian murid dan keputusan UPSR. Keperluan JNJK menggubal SKPM lalu menghasilkan SKPMG2, memberi kesan yang masih diragui sedangkan keberkesanan SKPM telah dibuktikan. Hasil kajian ini akan membantu , pemimpin pemimpin sekolah dan guru-guru menjadikan SKPMG2 sebagai garis panduan dan cara kerja dalam menghasilkan kemenjadian murid dan membentuk dan merancang keberhasilan sekolah. Manakala, Kementerian Pelajaran Malaysia dan , Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) sebagai pengukuran kualiti rubik SKPMG2

Kajian Literatur

Nordhaug dan Grouhaug (1994), menyatakan perkataan '*competence*' berasal dari kata kerja latin iaitu '*competer*' seerti kepada '*to be suitable*' yang membawa maksud sesuatu yang bersesuaian. Manakala Nasi Mohd Noor memberi definasi kompetensi adalah corak tingkahlaku serta kebolehan dalam menjalankan tugas. Fletcher (1992) pula menafsirkan kompetensi sebagai satu konsep yang sangat luas, dimana ia menggambarkan kebolehan memindahkan kemahiran dan pengetahuan kepada situasi baru dalam persekitaran kerja yang diberikan. Boyatzis (1982) kompetensi merujuk kepada ciri-ciri individu yang dapat dikaitkan dengan prestasi yang berjaya. Pengkaji lain Catano (2001) menyatakan kompetensi sebagai keupayaan-keupayaan yang berdasarkan kecerdasan yang diperlihatkan sebagai kelakuan-kelakuan dan kemahiran-kemahiran yang boleh menentukan prestasi kerja. Berdasarkan Burgoyne (1989), kompetensi adalah kebolehan dan kesediaan untuk melaksanakan tugas, yang juga terdapat unsur motivasi. Ianya meliputi pengetahuan, kemahiran, pemahaman dan kerelaan dalam interaksi social. Saedah & Mohammed (2012) merumuskan kompetensi guru merujuk kepada personal, profesional seperti pengajaran dan pembelajaran, mengurus proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti. Kunter (2013) mendefinisikan kompetensi secara ringkas sebagai kemahiran, pengetahuan, sikap dan pembolehubah motivasi yang membentuk asas untuk menguasai situasi tertentu. Beliau kemahiran, pengetahuan, sikap, dan ciri-ciri motivasi bukanlah semula jadi, tetapi boleh dipelajari dan dengan itu boleh diajar. Oleh itu, kompetensi boleh memandu dan memimpin kea rah lebih positif.

Nordhoug dan Grouhaug (1994) menyatakan bahawa kompetensi melalui pendidikan adalah umum dimana ia boleh diaplikasikan kepada lebih satu tugasan. Kiyemet (2010), kompetensi guru dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu; kompetensi bidang, kecekapan pedagogi dan kecekapan budaya.

Kompetensi adalah gabungan pengetahuan, sikap dan kemahiran yang menjadi asas untuk menjalankan tugas dengan baik dan berkesan (Hussein Mahmood, 1989). Kompetensi adalah gabungan perkara-perkara berikut:

- a) Keupayaan melakukan sesuatu aktiviti;
- b) Kemahiran dan pengetahuan dan kefahaman yang menggambarkan prestasi yang berkesan;
- c) Kebolehan untuk memindahkan kompetensi dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain dan dari satu konteks ke satu konteks yang lain.

Zeiger (2018) menyenarikan teras kompetensi untuk pendidik, untuk membantu guru-guru bersedia menjadikan suasana sekolah lebih positif ;

- a) Berinteraksi bersama murid dengan baik
- b) Mencipta suasana pembelajaran
- c) Merangka rancangan pengajaran dengan baik
- d) Mempunyai kebolehan menggunakan pelbagai jenis strategi pengajaran
- e) Kebolehan untuk menilai
- f) Kebolehan mengenalpasti keperluan murid
- g) Baik dalam berkomunikasi
- h) Boleh berkolaborasi dengan baik
- i) Mengekalkan identiti professional
- j) Memberikan komitmen kepada pekerjaan.

Elemen Kompetensi Guru (pdpc) SKPMG2

Kompetensi adalah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh seseorang bagi membolehkannya menjalankan tugas dengan baik dan bekasan. Tenaga kerja dan sumber manusia perlu dilatih dan ditingkatkan pengetahuan serta kemahiran mereka supaya mereka dapat menyumbang kearah tahap kerja yang bertaraf dunia serta mampu untuk bersaing dalam dunia global. Kompetensi perlu dikekalkan untuk membolehkan guru-guru mengikut perkembangan baru. Justeru itu, guru-guru perlu bersifat inovatif untuk sentiasa kekal dihadapan, cekap menggunakan kemudahan dan teknologi baru serta sentiasa meningkatkan pengetahuan mereka. Kompetensi membolehkan guru-guru dalam sesebuah organisasi mengekalkan daya saing, dan secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi. Sesebuah organisasi boleh menggunakan senarai kompetensi untuk merangka kompetensi standard.

Perancangan amat penting dalam menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Sebelum berlakunya Pdpc, guru-guru perlu dan merancang pelaksanaan Pdpc dengan menyediakan Rancangan Pengajaran Harian yang mengadungi objektif dan aktiviti pelajaran supaya guru-guru bersedia dengan apa yang telah dirancang. Dalam perancangan tersebut mesti lah disertakan dengan kaedah pentaksiran semasa proses PdPc berlangsung, termasuklah menyediakan alat bantu mengajar, bahan bantu mengajar dan teknologi maklumat dan Komunikasi (TMK) yang diperlukan sepanjang proses PdPc. Lokasi perlu ditetapkan sebelum memulakan PdPc. Guru-guru perlu memastikan lokasi yang dipilih sesuai sepanjang proses PdPc berlaku iaitu samada di dalam bilik darjah, bengkel, makmal atau ruang-ruang lain yang lebih bersesuaian.

Sepanjang proses Pdpc berlaku, proses pembelajaran perlu dikawal dengan mengelola isi pelajaran dan skop pembelajaran seperti yang dirancang. Guru-guru perlu memastikan masa Pdpc yang diperlukan dapat memenuhi keperluan aktiviti pembelajaran termasuklah permulaan set induksi sehingga penutup atau refleksi pembelajaran. Penyertaan aktif

dikalangan murid-murid mesti berlaku sepanjang proses pembelajaran supaya pengajaran yang berkesan dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan seterusnya dapat menghasilkan pendidikan yang berkualiti di sekolah. Selain itu, suasana pembelajaran sepanjang proses Pdpc perlu dikelolakan dengan mengawal komunikasi dan perlakuan murid-murid. Komunikasi dua hala diperlukan antara murid-murid dan guru bagi memastikan kelancaran proses Pdpc. Susun atur kedudukan murid-murid didalam kelas mesti sesuai dengan aktiviti yang dijalankan. Seandainya, aktiviti pembelajaran berkumpulan diperlukan, susun atur murid-murid mestilah memudahkan mereka menjalankan aktiviti pembelajaran berkumpulan. Manakala jika aktiviti tertumpu kepada pembelajaran sendiri dengan menggunakan alat teknologi seperti komputer riba atau tab, murid-murid hendaklah disusun secara individual. Selain itu, guru-guru juga perlu mewujudkan persekitaran yang menyeronokkan bagi membangkitkan semangat murid-murid untuk terus belajar.

Pdpc yang berkesan adalah Pdpc yang membolehkan murid-murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan amalan nilai. Menurut (Osman, 2010), guru adalah aset penting dalam melonjak sistem pendidikan kearah yang lebih tinggi, guru yang mampu menyampaikan isi pelajaran yang baik dan berkesan adalah guru-guru yang mempunyai efikasi yang tinggi. Oleh itu, sangat penting bagi guru membolehkan murid-murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai, guru-guru perlu membimbing murid dengan memberi tunjuk ajar dan panduan bagi menguasai isi pelajaran, konsep dan fakta yang berkaitan dengan pelajaran dan kemahiran dalam aktiviti pembelajaran yang diajar sepanjang proses pdpc. Selain itu, sepanjang proses pdpc murid-murid boleh membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang diutarakan dalam aktiviti pembelajaran yang berlangsung dengan menggunakan sumber pendidikan yang ada seperti pusat sumber sekolah dan makmal komputer sekolah.

Sepanjang aktiviti pembelajaran, Pdpc mendorong meningkatkan motivasi murid dimana murid-murid boleh berkomunikasi antara satu sama lain dan berkolaboratif dengan murid-murid lain bagi menghasilkan idea-idea dan pendapat baru sepanjang aktiviti pembelajaran. Aktiviti pembelajaran sepanjang proses pdpc perlu menjurus kearah pemikiran kritis dan kreatif dimana murid-murid boleh mengasah kemahiran murid-murid dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang diutarakan oleh guru-guru. Pdpc yang berkesan akan meningkatkan kemahiran dan berpotensi menjadi murid-murid menjadi pemimpin. Murid-murid juga digalakan memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara sendiri supaya murid-murid boleh berdikari dalam mencari ilmu dan kemahiran yang diperlukan. Sepanjang aktiviti pembelajaran, murid-murid diberi pujian dan galakan terhadap perlakuan positif yang dilakukan. Setiap hasil kerja murid-murid diberi penghargaan. Pdpc yang berkesan dapat memberi keyakinan dalam memberi jawapan dan memberi respon yang positif.

Dalam pdpc murid ditaksir menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran dan menurut (Willingham, 2010) bagi memenuhi keperluan Pembelajaran Abad ke 21, murid-murid memerlukan pentaksiran yang boleh mengukur hasil pembelajaran yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan tugas yang lebih sukar. Setelah selesai pentaksiran murid-murid akan diberi aktiviti pemulihan dan pengayaan perlu ada dalam proses pdpc. Setelah selesai proses pdpc murid-murid diberi latihan dan tugas dan guru-guru perlu menyemak serta menilai hasil kerja atau tugas murid-murid. Dihujung Pdpc guru-guru perlu membuat refleksi Pdpc supaya mengetahui hasil pdpc tersebut atau perlu diulang semula.

Oleh itu, Jemaah Nazir Sekolah telah merangka satu kompetensi standard dalam SKPMG2 untuk guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. SKPMG2 telah menggariskan panduan iaitu;

- i) Guru perlu merancang pelaksanaan pdpc
- ii) Guru perlu mengawal proses pembelajaran
- iii) Guru perlu membimbing murid-murid
- iv) Guru perlu bertindak sebagai pendorong
- v) Guru melaksanakan penilaian

Kemenjadian Murid

Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat meningkatkan kualiti kemenjadian murid selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara Malaysia. Pendekatan Kementerian Pendidikan terhadap pendidikan tertumpu kepada pembangunan holistic murid-murid dengan menekankan aspek pembangunan intelek, rohani, emosi dan fizikal seiring dengan pembinaan identiti nasional yang kukuh (Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – PPPM, September 2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai asas kepada pembentukan Aspirasi Murid yang akan menghasilkan Kemenjadian Murid. Atribut Aspirasi Murid yang diterapkan adalah;

- a. Pengetahuan
- b. Kemahiran Berfikir
- c. Kemahiran Memimpin
- d. Kemahiran Dwi Bahasa
- e. Etika dan Rohani
- f. Identiti Nasional

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah mengetahui tahap amalan kompetensi guru (Pdpc) SKPMG2 dikalangan guru-guru dan tahap kemenjadian murid dalam aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah. Kajian ini juga mengkaji hubungan antara amalan kompetensi guru (pdpc) dan kemenjadian murid.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah;

- i. Mengenalpasti tahap amalan kompetensi guru (pdpc) SKPMG2 dikalangan guru-guru
- ii. Mengenalpasti tahap kemenjadian murid berdasarkan Aspirasi Murid melalui Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025)
- iii. Menentukan hubungan antara kompetensi guru (pdpc) dengan Kemenjadian Murid

Dapatan Kajian

Tahap amalan kompetensi guru (pdpc) SKPMG2 terbahagi kepada lima bahagian iaitu perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai. Dapatan analisa deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 memberi jawapan terperinci nilai skor min, sisihan piawai dan tahap bagi semua dimensi.

Jadual 1: Analisa Deskriptif Dimensi Amalan Kompetensi Guru (pdpc) SKPMG2

Dimensi elemen kompetensi (pdpc) SKPMG2	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Perancang	4.1871	0.4309	Tinggi

Pengawal	4.2089	0.4211	Tinggi
Pembimbing	4.1984	0.4126	Tinggi
Pendorong	4.1940	0.4188	Tinggi
Penilai	4.2070	0.4167	Tinggi
Keseluruhan	4.1991	0.3985	Tinggi

Jadual 1 menunjukkan min amalan kompetensi (pdpc) SKPMG2 ialah 4.1991, dimana berada ditahap tinggi. Sumbangan min dari dimensi-dimensi lain memperkukuhkan nilai min tersebut. Dimensi guru sebagai pengawal adalah dimensi tertinggi dengan min 4.2089. Manakala dimensi guru sebagai perancang adalah dimensi min paling rendah sebanyak 4.1871.

Jadual 2: Analisa Deskriptif Dimensi Amalan Kompetensi Guru (pdpc) SKPMG2

Dimensi Kemenjadian Murid	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pengetahuan	3.9884	0.54600	Tinggi
Kemahiran Berfikir	3.9973	0.53558	Tinggi
Kemahiran Memimpin	4.0816	0.47484	Tinggi
Kemahiran Dwi Bahasa	3.9395	0.64594	Tinggi
Etika Rohani	4.0129	0.61666	Tinggi
Identiti Nasional	4.0339	0.59091	Tinggi
Keseluruhan	4.0089	0.50350	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan min kemenjadian murid ialah 4.0089, dimana berada ditahap tinggi. Sumbangan min dari dimensi-dimensi lain memperkukuhkan nilai min tersebut. Dimensi Kemahiran memimpin adalah dimensi tertinggi dengan min 4.0816. Manakala dimensi Kemahiran Dwi Bahasa adalah dimensi min paling rendah sebanyak 3.9395. skor 3.9884. Namun intepretasi skor min kesemua dimensi berada pada tahap tinggi.

Jadual 3: Analisis Korelasi Pearson Hubungan Antara Amalan Elemen Kompetensi Guru (SKPMG2) dengan Kemenjadian Murid

Hubungan	r	Sig P
Amalan Kompetensi Guru (pdpc)*Kemenjadia murid	0.584	0.000

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01,N=310.

Kajian mendapati bahawa Ujian Pekali Kolerasi Pearson menunjukan wujudnya hubungan positif sederhana dan signifikan antara tahap Amalan Kompetensi Guru (pdpc) dan tahap Kemenjadian murid [$r(308) = 0.584$, $p < 0.05$]. Maka Hipotesis 1, Hipotesis Nol (H_0) berjaya ditolak. Terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi guru (pdpc) dengan kemejadian murid. Kesimpulan, terdapat kemungkinan bahawa semakin tinggi tahap Amalan Kompetensi guru (pdpc), maka semakin tinggi tahap Kemenjadian Murid.

Perbincangan

Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang ke 2 telah menetapkan tahap Amalan Elemen Kompetensi Guru (pdpc) dibahagikan kepada 5 aspek iaitu guru sebagai perancang, guru sebagai pengawal, guru sebagai pembimbing, guru sebagai pendorong dan

guru sebagai penilai. 5 aspek ini dibentuk menjadi 5 dimensi kepada amalan elemen kompetensi guru (pdpc).

Pengelolaan adalah proses mencapai tujuan pembelajaran (Rita, 2010). Oleh itu, guru-guru telah berjaya menyampaikan tujuan pembelajaran kepada murid-murid. Disamping itu, pembelajaran menepati objektif pelajaran, mengikut keupayaan murid dan diamalkan secara berterusan dan tekal. Guru-guru berupaya menyusun proses pembelajaran mereka bersesuaian dengan masa yang telah diberikan dan berjaya mencapai objektif yang telah mereka tetapkan. Selain itu, mampu merancang aktiviti pembelajaran yang melibatkan semua murid secara aktif walaupun terdapat pelbagai aras keupayaan murid.

Guru-guru memberi peluang kepada penyertaan aktif murid-murid mengikut pelbagai aras keupayaan mereka. Guru-guru mengenali murid dengan rapat dan mengetahui aras keupayaan murid-murid dengan baik. Mengenali aras keupayaan murid agak sukar kerana terdapat pelbagai keupayaan murid di dalam satu kelas dan minat terhadap sesuatu pelajaran juga berbeza-beza. Guru-guru menggalakan penyertaan aktif murid-murid dalam Pdpc mereka. Penyertaan aktif murid-murid merupakan salah satu teras kepada pembelajaran abad ke 21 iaitu berpusatkan murid. Menurut (Ja'apar, 2017) guru-guru harus memainkan peranan penting dalam proses PdP bagi melaksanakan pengajaran abad ke 21.

Manakala, daripada dapatan yang diperolehi dimensi guru sebagai perancang perlu ditingkatkan. Guru-guru perlu memastikan kesediaan dan persediaan rapi pengajaran dan pembelajaran, murid-murid dan guru itu sendiri sebelum memulakan dan melaksanakan PdPc. (Azir, 2017) menyatakan setiap guru harus mengetahui dan memahami fungsi sesuatu kaedah atau teknik yang dapat membantu pelajar kerana mereka adalah fasilitator dalam proses pdp serta perancang proses pdp berpusatkan pelajar. Oleh itu keperluan guru sebagai perancang itu penting. Guru-guru perlu bersedia dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian, menentukan kaedah dan teknik pentaksiran dan penyediaan sumber pembelajaran mengikut keupayaan murid. Melalui dapatan, dimensi perancangan adalah penyediaan ABM/BBM/BBB/TMK mengikut pelbagai aras keupayaan murid. (Fatimah Bt Affendi, 2018) melalui perancangan pengajaran, guru juga dapat menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan isi pelajaran mengikut minat dan kebolehan pelajar. Selain itu, (Fatimah Bt Affendi, 2018) juga menyatakan isi kandungan dan bahan yang hendak disampaikan perlu lengkap dan menepati kehendak sukatan dan huraian sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru-guru bukan sahaja perlu menyediakan RPH sebagai persediaan tetapi guru-guru juga perlu menyediakan ABM/BBM/BBB/TMK mengikut pelbagai aras keupayaan murid bagi membantu pembelajaran murid. Kepentingan penyediaan ABM/BBM/BBB/TMK semakin diabaikan. (Mohd Yasin.M.H, 2013) dari dapatan kajian beliau mendapati bahawa BBM responden masih lagi tidak mencukupi terutamanya BBM yang melibatkan ICT yang terkini. Selain itu beliau juga berpendapat salah satu cara untuk meningkatkan pencapaian dan kejayaan bagi pelajar-pelajar adalah penggunaan BBM kerana tanpa BBM, memberi kesan kepada proses PdP akan menjadi kurang kualiti dan efektif dimana menyebabkan pencapaian akademik akan menurun. Bahan bantu belajar bukan sahaja berbentuk fizikal, namun boleh dipelbagaikan dengan penggunaan TMK dan persekitaran. Guru-guru perlu kreatif dalam memilih ABM/BBM/BBB/TMK supaya selari dengan objektif pelajaran dan aras keupayaan murid.

Guru sebagai penilai perlu diambil perhatian, dimana tugas dan tindakan guru mengesan tahap penguasaan murid. Guru dibenarkan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran dimana cara pentaksiran lebih terbuka dan mengikut penyesuaian objektif pembelajaran yang telah

ditetapkan sendiri oleh guru. Selain itu, cara pentaksiran mestilah disesuaikan dengan pembelajaran tersebut supaya penilaian adil kepada semua aras keupayaan murid. Guru-guru kurang bersetuju menjalankan aktiviti pemulihan/ pengayaan dalam pdpc secara menyeluruh dari segi kecukupan dan kecakupan/meliputi semua murid. Aktiviti yang diberikan kepada murid-murid tidak boleh diberi sama rata dengan menggambarkan setiap murid berada di aras yang sama dan memerlukan keperluan yang sama. Perancangan aktiviti didalam hendaklah lebih berfokus kepada mengenalpasti tugas yang diperlukan oleh murid dalam memahami pembelajaran tersebut berbanding tugas yang diperlukan oleh guru untuk penyediaan pembelajaran didalam kelas (Wright, 2011) Oleh itu, tugas, latihan atau aktiviti yang dijalankan mestilah mengikut keupayaan murid, bukan sekadar memenuhi aktiviti pembelajaran di kelas.

Aktiviti pengayaan perlu diberi kepada murid-murid aras tinggi supaya pengetahuan dan kemahiran mereka lebih terserlah dan menonjol. Menurut (Zakaria, 2007), aktiviti pengayaan disediakan bagi memastikan potensi dan keupayaan mental pelajar dapat digunakan pada tahap yang sesuai dengan kecerdasan mereka. Guru-guru tidak boleh menghadkan keupayaan dan keperluan murid kerana setiap murid adalah memiliki keupayaan dan keperluan yang berbeza. Manakala, aktiviti pemulihan perlu diberikan kepada murid yang lemah supaya mereka dapat mencapai pengetahuan dan kemahiran yang telah ditetapkan dalam objektif pembelajaran. Oleh itu, guru-guru perlu menyediakan aktiviti berbeza mengikut keupayaan dan keperluan murid. Namun terdapat beberapa faktor yang menyebabkan aktiviti pemulihan tidak dijalankan antaranya (Kuslan, 2014) murid pemulihan yang agak ramai dengan setiap murid mempunyai prestasi yang berbeza, masa mengajar guru tidak panjang tertamanyabagi satu masa iaitu 30 minit sahaja dan guru-guru terikat dengan sukatan pelajaran yang perlu dihabiskan dalam jangka masa tertentu kerana murid-murid perlu disediakan untuk menghadapi peperiksaan.

(Ahmad bin Esa, 2014) berpendapat salah satu aspek penting dalam pembentukan masyarakat yang bersatu padu adalah berkebolehan dari segi kepimpinan. Oleh itu, guru-guru telah meningkatkan kemahiran memimpin dan pada masa yang sama pembentukan semangat berpasukan turut berlaku seperti yang dinyatakan pembentukan masyarakat yang berlaku. Murid-murid banyak menjalankan aktiviti kerja berkumpulan sama ada di luar dan di dalam bilik darjah. Kesanya, aktiviti seperti ini dapat membentuk keperibadian murid-murid tersebut. Selain itu, (Masud, 2013) menyatakan pembelajaran aktif seperti pembelajaran berasaskan masalah yang dapat memupuk ciri-ciri kerja berpasukan yang perlu ada dalam diri pelajar. Pengukuran ini membuktikan guru-guru sering mengadakan pembelajaran aktif semasa pdpc mereka. Banyak kemahiran dapat diperbaiki dalam kerja secara berpasukan. (Akindele, 2012) mendapati bekerja secara berpasukan memberi banyak kebaikan antaranya, mereka dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dengan rakan kelas, berkomunikasi dengan rakan yang berlainan bangsa, dan selain itu dapat meningkatkan kepercayaan antara ahli kumpulan. Selain daripada berkerja secara pasukan, guru-guru juga berjaya menerapkan kemahiran kepimpinan dikalangan murid-murid.

Kemahiran Dwi Bahasa perlu diberi perhatian oleh guru-guru agar kelemahan murid dalam menguasai bahasa dapat diperbaiki. Setiap murid perlu menguasai Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar kurikulum di sekolah, peranan dan bimbingan guru juga memainkan peranan utama terhadap penguasaan bahasa murid, (Zamri Mahamod, 2009) dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa.

Kemahiran Dwi bahasa iaitu murid menguasai Bahasa Inggeris dengan baik perlu diberi perhatian. Murid-murid lemah dalam penguasaan B. Inggeris. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kelemahan murid dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Antara faktor yang dinyatakan oleh (Zamri Mahamod, 2009) faktor pengajaran guru memberi kesan yang besar dan merupakan faktor penting dalam menentukan suasana pembelajaran murid dan menjadi tanggungjawab guru untuk mengubah sikap murid kearah lebih positif dengan menampilkan gaya pengajaran yang menarik minat murid terhadap pengajaran yang menarik minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa, sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa.

Oleh itu, guru-guru perlu mencari alternative bagi mengatasi faktor-faktor dengan baik dan mencari penyelesaian kepada masalah tersebut. Gaya dan kaedah pengajaran guru bahasa juga perlu pelbagai bagi memastikan kesannya terhadap pencapaian akademik murid, (Zamri Mahamod, 2009). Selain itu, kepelbagaian aktiviti yang berkaitan dengan peningkatan penguasaan bahasa Inggeris perlu dilaksanakan di sekolah. Namun Bahasa Inggeris masih lagi menjadi salah satu masalah dan bebanan yang harus ditanggung di sekolah.

Terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi guru (pdpc) dengan kemenjadian murid. Tahap Amalan Kompetensi guru (pdpc) berkadar langsung secara positif dengan Tahap Kemenjadian Murid. Oleh itu, bagi meningkatkan Tahap Kemenjadian murid, maka guru-guru perlu meningkatkan tahap elemen kompetensi guru (pdpc) kerana tahap kemenjadian murid bersandar kepada perubahan Tahap amalan elemen kompetensi guru (pdpc).

Setiap peranan guru yang didefinisikan dalam amalan kompetensi guru (pdpc) memberi impak kepada kemenjadian murid kerana setiap satu peranan mampu membentuk kepada kemenjadian murid. Kemenjadian murid dalam dimensi kemahiran memimpin, murid dan guru boleh berkomunikasi dengan baik merupakan hasil daripada peranan guru sebagai pengawal iaitu guru mengawal suasana pembelajaran dengan mengawasi komunikasi murid dalam Pdpc secara berhemah. Selain itu, peranan guru sebagai pendorong juga, mendorong minda murid dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan merangsang murid berkomunikasi.

Kemahiran Dwi Bahasa menunjukkan kelemahan yang ketara dimana murid tidak menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Kelemahan ini mungkin disebabkan oleh kelemahan peranan guru sebagai perancang, gagal menyediakan ABM/BBM/BBB/TMK mengikut pelbagai aras keupayaan murid. Bahan Bantu Belajar yang disediakan kadang kala tidak menepati objektif pelajaran atau tanpa mengambil kira aras keupayaan murid dengan menganggap kesemua murid berada pada aras keupayaan yang sama. Kekurangan persediaan guru-guru sebegini menyebabkan pdpc menjadi hambar dan tidak menarik minat murid. Seterusnya, Pdpc gagal mencapai objektif dan menyebabkan kemenjadian murid gagal mencapai aspirasi murid yang ditetapkan murid menguasai Bahasa Inggeris dengan baik.

Kesimpulannya, guru-guru perlu melakukan penambahbaikan dalam setiap dimensi amalan elemen kompetensi guru (pdpc). Terutamanya dimensi guru sebagai perancang. Walaupun hubungan antara tahap amalan kompetensi guru (pdpc) dengan kemenjadian murid hanya sederhana namun amalan kompetensi guru (pdpc) boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada guru-guru dalam menghasilkan Pdpc yang berkesan dan memberi impak kepada kemenjadian murid.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, boleh dibuat rumusan bahawa dimensi-dimensi kompetensi guru (pdpc) yang dikaji mempunyai peranan bagi menentukan tahap kemenjadian murid untuk meningkatkan kemenjadian murid beberapa perkara perlu diberi tumpuan. Antara cadangan yang dikemukakan adalah;

- a) Menjadikan elemen kompetensi guru (pdpc) skpmg2 sebagai panduan keperluan dalam merancang proses PdPc guru-guru.
- b) Menjadikan elemen kompetensi guru (pdpc) skpmg2 sebagai instrument refleksi setelah guru-guru selesai menjalankan Pdpc
- c) Menjadikan elemen kompetensi guru (pdpc) skpmg2 sebagai KPI (*Key Performance Index*) untuk menilai PdPc guru secara sendiri. Kiyet (2010), guru-guru perlu menambah ilmu dan kemahiran untuk peningkatan, selain itu, memperbaiki dan menguji amalan pengajaran mereka.

Memandangkan skop kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada daerah Kuala Langat. Justeru itu, penyelidik mencadangkan supaya kajian akan datang dicadangkan kepada penyelidik lain agar mengambil populasi yang lebih besar supaya boleh digeneralisasikan untuk negeri Selangor. Kajian ini hanya mengukur kemenjadian murid melalui tahap amalan kompetensi guru (pdpc) SKMPG2. Namun masih terdapat beberapa elemen lain yang terdapat dalam SKPMG2 yang boleh mengukur kemenjadian murid. Antaranya kepimpinan PGB, Pengurusan Organisasi dan Pengurusan Kurikulum.

Rujukan

- Ahmad bin Esa, K. b. (2014). Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar (NAHSDEC)*, 17-27.
- Akindele, D. O. (2012). Enhancing Teamwork and Communication. *TESOL Journal*, 2-15.
- Ambotang, A. S. (2010). Kajian Terhadap Faktor Penyumbang Terhadap Pencapaian. *Universiti Malaysia Sabah*.
- Azir, Z. (2017). *Simulasi Ahu Blower Sebagai ABBM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
- Fatimah Bt Affendi, M. M. (2018, Disember 26). *Definisi Perancangan Pengajaran dan Kepentingan Perancangan Pengajaran*. Retrieved from *Pedagogi dalam Pendidikan*: <http://pedagogi-pendidikan.blogspot.com/2013/06/definisi-perancangan-pengajaran-dan.html>
- Hussin., S. (2014). Cabaran Menyeluruh dalam Pelaksanaan Transformasi Pendidikan untuk Masa Depan Malaysia. *Seminar Transformasi Pendidikan Nasional*. Fakulti Pendidikan, Kertas Ucapan Utama.
- Ibrahim., S. S. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan*. Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012.
- Kunter. (2013). Professional competence of teachers: Effects on instructional quality and student development. *Journal of Educational Psychology*, 105(3), 805-820.
- Kuslan, N. L. (2014). *Aktiviti Pemulihan Bacaan Di Sebuah Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Masud, M. A. (2013). *Pembangunan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum dalam Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM*. Malaysia: Universiti Tun Hussein Onn.
- Mohd Yasin.M.H, T. &. (2013). Bilik Darjah Pendidikan Khas Pada Masa Kini Dan Kekangannya Terhadap Proses Pengajaran. *Asia Pasific. Journal Of Educators and Education*, Vol.28, 1-9.

- Nurul Izzati Azizi, H. M. (2011). Perbandingan Faktor yang Mempengaruhi Proses Pengajaran dan Pembelajaran Antara Sekolah di Bandar dan Luar Bandar. *Journal of Education Management*, Vol. 1:34-47.
- Selvi., K. (2010). Anadolu Teachers' Competencies University Cultura. *International Journal of Philosophy of Culture and Axiology*.
- Times, N. S. (2016, November 17).
- Willingham, A. J. (2010). 21st-Century skills: Not new, but a worthy challenge. *American Educator Spring*, 17-20.
- Wright, G. B. (2011). Student-Centered Learning in Higher Education. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, Volume 23, Number 3, 92-97.
- Zainal Ariffin Zainuddin, Y. D. (2016). PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN TAHAP PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 891-900.
- Zeiger, S. (2018, Disember 26). *Chron.com*. Retrieved from <http://work.chron.com/list-core-competencies-educators-8916.html>